Ringkasan Pernyataan Dasar Monetari (MPS): Mei 2024



Apakah keputusan BNM?

BNM mengekalkan OPR pada 3%

- Tahap OPR ini selaras dengan keadaan ekonomi yang kukuh dan kekal menyokong pertumbuhan
- Pembiayaan terus tersedia berikutan pertumbuhan kredit yang terus bertambah baik

Apakah perkembangan ekonomi terkini?

Ekonomi Malaysia masih terus berkembang

- Pertumbuhan guna tenaga dan upah yang berterusan menyokong perbelanjaan isi rumah
- Pemulihan eksport terus disokong oleh perdagangan global yang bertambah baik
- Peningkatan ketibaan dan perbelanjaan pelancong memberikan manfaat kepada perniagaan tempatan
- Projek pelaburan swasta dan awam menunjukkan perkembangan yang baik
- Perkembangan global terus memberikan kesan pada kadar pertukaran serantau, termasuk ringgit
- Tindakan terselaras oleh Kerajaan dan BNM telah mengurangkan tekanan terhadap nilai ringgit



Inflasi terus kekal rendah



Apakah prospek ekonomi?

Ekonomi Malaysia dijangka terus bertambah baik manakala inflasi akan sederhana

- Aktiviti perdagangan global yang lebih kukuh akan terus menyokong eksport negara
- Pelaksanaan dasar dalam negeri akan mempengaruhi prospek pertumbuhan dan inflasi
- OPR terus menyokong pertumbuhan dan pada masa yang sama terus mengawal inflasi

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA